

PERANAN UNIVERSITI DALAM NEGARA INDUSTRI

**OLEH
DATO' DR. HJ. ABDULLAH SANUSI AHMAD
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYA**

Kertas Dibentangkan Di Dalam

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN
PERANAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

15 OGOS 1995

**ANJURAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

PERANAN UNIVERSITI DALAM NEGARA INDUSTRI *

Oleh: Dato' Dr. Hj. Abdullah Sanusi Ahmad
Naib Canselor
Universiti Malaya

Pendahuluan

- 0.1 Kertas kerja ini akan membincangkan konsep negara industri dalam pengertian yang serba merangkum. Negara industri itu tidak semestinya dianggap semata-mata sebagai sebuah negara yang mempunyai kawasan perindustrian yang luas sahaja. Ertinya, selain dari aspek-aspek ekonomi dan kebendaan, kewujudan sebuah negara industri itu mestilah juga dilihat dari sudut sosial dan politik serta budaya dan kerohanian.

- 0.2 Dalam sebuah negara industri yang merangkum unsur pelbagai dimensi itu, peranan universiti mestilah juga digagaskan secara menyeluruh yang bukan sahaja berfungsi bagi mengeluarkan "tenaga kerja yang mahir" untuk keperluan industri pengeluaran, tetapi juga wajib meneruskan tradisi membina "tenaga fikir" untuk kewujudan sebuah negara-bangsa yang dinamis, harmonis dan berkebudayaan serta menyumbang terhadap kemajuan tamadun manusia sejagat.

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Firdaus Hj. Abdullah daripada Bahagian Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya atas bantuan beliau dalam penyediaan kertas ini. Walau bagaimanapun segala kandungan kertas ini adalah tanggungjawab penulis.

kerana itulah maka dalam perbincangan mengenai peranan universiti dalam negara industri, pengertian kedua konsep tersebut (“negara industri” dan “universiti”) perlu dijelaskan terlebih dahulu.

- 0.6 Minat kita di Malaysia terhadap kemunculan sebuah negara industri telah semakin meningkat semenjak Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengemukakan **Wawasan 2020**nya. Pada halaman pertama kertas kerjanya “**Malaysia: Melangkah ke Hadapan**” yang menjadi asas kepada **Wawasan 2020** itu Dr. Mahathir menegaskan bahawa matlamat utama yang ingin dicapai menjelang tahun 2020 itu ialah: **membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara industri**. Ungkapan “negara industri” adakalanya silih berganti digunakan dengan ungkapan “negara maju”. Dalam kedua istilah tersebut sekaligus terangkum juga pengertian “masyarakat industri”. Dengan itu bermakna bahawa pembangunan sebuah “negara industri” mestilah dilakukan serentak dengan pembinaan sebuah “masyarakat industri”.
- 0.7 Gagasan atau cita-cita pembentukan sebuah masyarakat industri yang maju sebagai matlamat jangka panjang negara ini pada abad kedua puluh satu itu, memang sudah diterima secara meluas di kalangan rakyat dan pemimpin. Tetapi yang belum difahami dengan tepat dan belum disedari secara meluas ialah tentang betapa kompleks dan luasnya pengertian konsep negara atau masyarakat industri itu. Sangatlah dikesalkan kerana di kalangan kebanyakan kita terdapat kecenderungan mentakrifkan negara atau masyarakat industri dengan cara yang terlalu *simplistik* dan “*ekonomistik*”

mahir yang mengendalikan mesin-mesin canggih atau tenaga separuh mahir dan buruh-buruh kasar yang menggerakkan kilang-kilang raksasa sahaja.

- 1.0 Memang benar bahawa ciri organisasi sosial yang utama dan dominan sebuah masyarakat industri ialah penggunaan jentera atau mesin serta penerapan teknologi tinggi dan pengurusan yang rasional serta penggunaan tenaga kerja yang cekap dan efisien. Sesuai dengan itu, setiap individu dalam sebuah masyarakat industri mestilah menyesuaikan diri masing-masing dengan ciri-ciri dominan itu. Tetapi selain dari ciri-ciri utama tersebut, anggota masyarakat di sebuah negara industri juga mempunyai ciri-ciri, aspirasi dan pelbagai masalah yang lebih kurang sama sifatnya dengan masyarakat pada tahap pertumbuhan yang lain (iaitu yang belum sampai ke tahap masyarakat industri). Di mana-mana juga, dan sepanjang sejarah tamadun manusia setiap masyarakat mempunyai aturan sosial yang tertentu, mempunyai citra dan langgam budaya yang tertentu, mempunyai para anggota yang hidup bermasyarakat, berkeluarga, beragama, menghasilkan dan menikmati karya-karya seni dan sastera, mempunyai adat istiadat serta sistem politik dan pemerintahan, dan seterusnya. (Rustam, MBBM, 1993:52)
- 1.1 Jadi jelaslah bahawa persoalan yang perlu difikirkan dan dihadapi dalam proses pemodenan sesebuah masyarakat dan negara untuk menjadi masyarakat dan negara industri itu bukanlah sekadar membina tenaga mahir dan infrastruktur untuk menampung keperluan persekitaran fizikal yang dipenuhi oleh kilang-kilang dan mesin-mesin berat serta teknologi canggih sahaja. Tidak kurang pentingnya berbanding dengan aspek-aspek

Negara Industri Dalam Kontek Wawasan 2020

1.4 Barangkali kerana menyedari kemungkinan-kemungkinan negatif yang boleh wujud dalam sesebuah masyarakat industri itulah maka dalam “**Malaysia: Melangkah ke Hadapan**”, Dr. Mahathir menyenarai dan menghuraikan sembilan cabaran strategik yang mesti dihadapi oleh Malaysia dalam usahanya mencapai status negara industri yang maju itu. Dan dalam sembilan cabaran tersebut, antara lain Dr. Mahathir menegaskan bahawa negara industri maju yang diidamkan itu mestilah “**menurut acuan kita sendiri**”. Dan di dalamnya mestilah wujud **masyarakat demokratis yang matang, berbudi dan berbudaya penyayang**. Untuk keperluan analisis, sembilan cabaran strategik tersebut boleh dikumpulkan menjadi empat bidang atau wawasan utama, iaitu:

- Wawasan politik** - mengungkapkan cita-cita tentang negara Malaysia yang bersatu padu; masyarakat yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi yang matang.
- Wawasan sosial** - mengungkap cita-cita membentuk masyarakat yang bermoral dan beretika; masyarakat liberal yang toleran; masyarakat yang bersifat sains dan progresif; masyarakat penyayang.

Perkembangan Peranan Universiti

- 1.6 Universiti, sebagai satu institusi, sering dianggap sebagai kemuncak sistem pendidikan formal yang merupakan salah satu pencapaian utama tamadun manusia. Manakala pendidikan (yang formal atau bukan formal) adalah unsur utama yang memungkinkan pertumbuhan dan perkembangan daya intelek dan tamadun manusia itu sendiri. (Yang dimaksudkan dengan "daya intelek" di sini ialah keupayaan memperoleh, mengembang serta menyebarkan ilmu dan pengetahuan). Kerana itu dapatlah disimpulkan bahawa antara "universiti" dan "tamadun manusia" itu terdapat hubungan timbal balik yang saling mantap memantapkan.
- 1.7 Oleh kerana itu, bila unsur-unsur yang dominan dalam tamadun manusia itu mengalami perubahan (umpamanya daripada tamadun yang berasaskan pertanian kepada tamadun yang berasaskan perindustrian atau perubahan daripada masyarakat kolonial kepada masyarakat negara merdeka), maka dengan sendirinya corak kewujudan dan peranan universiti dalam keadaan , yang demikian juga perlu mengalami perubahan. Namun begitu, perlulah dipastikan supaya perubahan peranan tersebut berlaku dalam rangka "membina tamadun". Ertinya, walaupun unsur dominan dalam sesuatu tamadun itu berubah, namun "inti pati" (atau "jiwa") dan "matlamat" tamadun itu mestilah dipertahankan. Dengan lain-lain perkataan, di samping menyesuaikan peranannya dengan keperluan-keperluan pragmatik dan jangka pendek sesebuah tamadun itu, universiti diharapkan agar turut juga mempertahankan peranannya dalam mengekalkan unsur-unsur idealisme

memperkuatkan pengaruh dan kedudukan umat Kristian dan juga untuk meningkatkan kedudukan ("*prestige*") serta pengaruh golongan-golongan tertentu di sesebuah daerah atau negara". (Ben-David, 1968). Pada masa-masa tertentu di setengah-setengah tempat universiti ditubuhkan untuk memenuhi keperluan birokrasi pemerintahan, institusi agama dan kekuasaan raja (Riddle, 1993). Perubahan peranan tersebut bukan sahaja dialami oleh universiti-universiti yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Pertama atau selepas Revolusi Industri di Eropah Barat, malah universiti-universiti yang lebih tua dari itu pun turut mengadakan "pengubahsuaian" peranan dan secara beransur-ansur semakin dipengaruhi oleh sifat-sifat "utilitarian" sama ada secara sedar atau sebaliknya.

Perkembangan Peranan Universiti Di Malaysia

2.0 Di Malaysia pertumbuhan universiti bermula selepas Perang Dunia Kedua, iaitu semasa negeri ini masih lagi di bawah kekuasaan kolonial Inggeris. Jadi, berbanding dengan universiti yang telah wujud beratus-ratus tahun di Eropah Barat, Amerika Utara dan Timur Tengah, kewujudan universiti di Malaysia adalah satu fenomena baru. Kerana itu tidaklah mengherankan jika "takrif", "kedudukan", "peranan" dan "kebebasan" universiti di Malaysia, seperti di kebanyakan negara-negara bekas tanah jajahan yang lain, masih lagi merupakan satu bahan perbincangan dan punca pertelagahan yang belum tuntas. Isu-isu seperti "kebebasan akademik", "kandungan kurikulum", "penggunaan bahasa pengantar", "kaedah dan syarat kemasukan pelajar",

sebidang.” Ertinya, “pengubahsuaian” mestilah dilakukan mengikut batas-batas dan syarat-syarat yang tertentu. Atau untuk meminjam ungkapan yang semakin sering digunakan semenjak akhir-akhir ini: **mengikut paradigma-paradigma yang telah ditetapkan.** Oleh kerana itu, sebarang perkembangan yang pada lahirnya kelihatan seakan-akan menghendaki kita membuat perubahan, mestilah terlebih dahulu dinilai secara kritis dan mestilah dipersoalkan dari pelbagai segi. Ertinya, kita tidak semestinya senantiasa “tunduk” terhadap setiap perkembangan baru, kerana di samping yang menguntungkan, banyak pula perkembangan baru yang boleh merugikan.

2.3 Seperti yang dinyatakan di bahagian awal kertas kerja ini tadi, sebuah negara industri yang maju itu mempunyai banyak dimensi dan tidaklah terbatas kepada aspek-aspek ekonomi sahaja. Perubahan-perubahan besar akan berlaku dalam negara kita. Sebagaimana yang dibayangkan oleh Perdana Menteri YAB Dato Seri Dr. Mahathir di dalam **“Malaysia: Melangkah Ke Hadapan”**:

“Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala seginya: dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi **perpaduan negara dan kesepaduan sosial**, dari segi ekonomi, keadilan sosial kestabilan politik, sistem

intelektual dan kemudahan-kemudahan infrastruktur Universiti Malaya. Pelbagai forum dan simposium yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan pelajar dan fakulti-fakulti tertentu di Universiti Malaya sepanjang dekad 60an dan 70an itu telah menyemarakkan suasana intelektual di Lembah Klang khususnya dan di seluruh negara amnya.

- 2.8 Pendeknya, dalam dekad-dekad 60an dan 70an itu, Universiti Malaya telah berfungsi bukan sahaja sebagai institusi pendidikan (latihan), malah juga sebagai "pencetus" gagasan baru, sebagai "*think tank*" dan sebagai "gelanggang pertukaran fikiran". Tetapi semenjak beberapa tahun terakhir, peranan dan sumbangan jitu Universiti Malaya di pelbagai bidang tersebut, terasa seakan-akan telah merosot menjadi satu "pusat latihan" dan "*training centre*" atau "*polytechnic*" sahaja. Peranannya sebagai "*think tank*" atau pencetus gagasan-gagasan baru seakan-akan telah diambil alih oleh badan-badan lain seperti *Institute of Strategic and International Studies (ISIS)*, *Malaysian Institute of Economic Research (MIER)*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Institut Kajian Dasar (IKD), *Malaysian Strategic Research Centre (MSRC)* dan lain-lain. Sumbangannya dalam memberikan "*intellectual inputs*" di bidang politik, kebudayaan dan kemasyarakatan sudah semakin kurang memberi kesan.

Perkembangan Pesat Universiti Di Malaysia

- 2.9 Sebagaimana yang diketahui umum, bilangan universiti di Malaysia telah bertambah dengan pesatnya dalam dua dekad yang lalu. Daripada sebuah

universiti nasional kini terdapat sembilan buah universiti. Dua buah universiti terakhir dutubuhkan dalam waktu yang rapat. Pertambahan bilangan universiti ini adalah sebagai usaha pihak Kerajaan memenuhi permintaan terhadap peluang pendidikan peringkat tinggi yang makin bertambah. Permintaan terhadap pendidikan tinggi bertambah kerana rakyat sudah mempunyai kebolehan dan kelayakan di peringkat menengah.

- 3.0 Dalam sebuah negara yang muda seperti Malaysia, golongan rakyat yang telah mencapai tahap kemampuan untuk mendapat peluang pendidikan tinggi makin meningkat, khususnya kerana perkembangan berlipat ganda pendidikan di peringkat rendah dan menengah dalam generasi lepas.
- 3.1 Hasil perancangan ekonomi yang rapi oleh pihak Kerajaan melalui Rancangan-Rancangan Malaysia Pertama hingga Kelima (yang menjangkau satu generasi rakyat) yang membawa kepada kemajuan pesat ekonomi terutamanya dalam sektor perindustrian, timbul keperluan besar terhadap tenaga manusia berbakat tinggi (*high-talent manpower*) dan tenaga mahir (*high-skilled manpower*). Dalam memenuhi keperluan terhadap tenaga manusia itu, negara terpaksa mengambil tenaga daripada luar negeri secara kontrak. Antara tenaga manusia luar yang diambil ialah doktor, arkitek, jurutera, saintis dll. malah akhir-akhir ini termasuk juga jururawat yang diambil daripada negara-negara jiran seperti Filipina, Myanmar dan Bangladesh.

kerana sektor awam juga memerlukan tenaga manusia berbakat tinggi untuk bergerak seiring dengan kelancaran perkembangan sektor swasta.

- 3.5 Di sinilah nampak perbezaan besar di antara peranan universiti awal di Barat yang sedia wujud beratus-ratus tahun dahulu dengan universiti-universiti di Malaysia yang baru berusia rata-ratanya sekitar 20-30 tahun sahaja. Di negara-negara maju yang tamadunnya kini sudah mantap, keperluan terhadap tenaga terlatih untuk era industrialisasi sudah berlalu pada peringkat awal era tersebut. Maka kita dapati universiti-universiti itu memberi tumpuan lebih kepada penyelidikan, reka cipta baru dalam sains dan teknologi yang merupakan pembinaan tenaga fikir atau perkembangan minda berbanding dengan universiti-universiti di negara-negara membangun yang mahu tak mahu mesti menyahut dengan cepat kepada kehendak dan keperluan semasa keadaan negara berkenaan.
- 3.6 Malahan negara yang maju seperti Australia, setelah menubuhkan universiti pertamanya kira-kira 100 tahun dahulu (Universiti Sydney dan Universiti Melbourne) telah mengambil satu tindakan yang agak radikal apabila ia, pada tahun 1988 melalui satu *Report on Higher Education (White Paper, 1988)* mengaitkan dasar pendidikannya dengan pembangunan ekonomi. Kementerian Pendidikan negara itu digabungkan dengan Kementerian Gunatenaga membentuk *Ministry of Employment, Education and Training*. Langkah ini bertujuan mencapai hasrat bahawa institusi pengajian tinggi di negara tersebut mestilah mengeluarkan tenaga manusia berbakat tinggi dan tenaga mahir khusus untuk keperluan pembangunan negaranya. Perkara ini

baru dalam sesuatu bidang untuk menambah khazanah ilmu, mengembangkan minda dan menangani soal-soal kerohanian, keadilan yang sememangnya tepat diolah dan dicanai di peringkat universiti oleh para sarjana dan cerdik pandainya. Peranan ini bukan perkara asing kepada masyarakat universiti dan terpaksa diberi perhatian yang selimpal beratnya. Cuma, dalam keadaan dan ketika tertentu, universiti terpaksa menyahut kehendak pembangunan negara yang mendesak dan dengan itu memberi tumpuan yang lebih untuk itu. Ada kalanya negara memerlukan bekalan tenaga manusia yang lebih banyak di dalam bidang-bidang genting yang tertentu, maka universiti harus menyahut imbauan tersebut. Barangkali pada ketika yang lain, universiti perlu menyahut imbauan terhadap penyelidikan pula kerana peruntukan negara terhadap penyelidikan juga tidak sedikit.

- 4.3 Sebagai kesimpulan, adalah jelas tiada percanggahan peranan universiti di antara universiti sebagai pengeluar tenaga manusia berbakat tinggi dengan universiti sebagai pembina tenaga fikir yang menonjolkan imej universiti sebagai daratan ilmu dan tenaga akal di mana soal-soal kesenian, kerohanian, keadilan dll. mendapat tumpuan dalam memenuhi hasrat bangsa untuk maju dengan acuan kita sendiri. Peranan universiti melahirkan tenaga fikir yang unggul untuk memenuhi tuntutan-tuntutan idealisme dan tamadun mestilah diimbangi dengan peranan melahirkan tenaga manusia berbakat tinggi untuk memenuhi tuntutan-tuntutan semasa dan pragmatik. Kedua fungsi kembar tersebut hendaklah secara sedar dilaksanakan melalui kegiatan-kegiatan pengajaran, penyelidikan, persidangan, perundingan dan penerbitan.

4.4 Pendek kata, dalam konteks pembinaan negara-bangsa Malaysia yang maju dan berasaskan industri, panduan yang sebaik-baiknya dimanfaatkan oleh universiti dalam merumuskan peranannya, pada hemat saya, ialah **sembilan cabaran strategik** yang telah digariskan oleh Perdana Menteri YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam **WAWASAN 2020**nya. Sembilan cabaran tersebut mengingatkan kita bahawa di samping unsur atau dimensi ekonomi, sebuah negara industri yang maju itu, juga mempunyai dimensi politik, sosial, psikologi dan kerohanian. Akhir kata, peranan universiti dalam sebuah negara industri itu ialah: **mencapai dan merealisasikan cita-cita dan hasrat mulia di bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan tamadun yang lebih unggul.** ■